
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YBP 223 - PERIKLANAN

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. 'Sebenarnya, iklan di Malaysia membayangkan dan mencerminkan cita rasa dan pola budaya masyarakat tempatan.' (Mohamad Md Yusoff, ms. 35, 1999). Bincangkan kenyataan di atas berdasarkan peranan periklanan di dalam kebudayaan.
2. Rancangan periklanan bergantung kepada tiga pertimbangan perancangan dan buat-putusan seperti berikut:
 - (a) Objektif dan Pemilihan Sasaran
 - (b) Strategi Mesej dan Taktik
 - (c) Strategi Media dan Taktik

Bincangkan dengan contoh yang relevan.

3. Bincangkan model-teori periklanan yang anda ketahui. Sejauhmanakah model atau teori tersebut memperihalkan kesan dan proses periklanan terhadap pengguna?
4. 'Dasar Pengiklanan Negara perlu diwujudkan segera memandangkan pengaruh iklan yang begitu berleluasa, perkembangan perusahaan periklanan yang berat sebelah, masalah yang serius dan prospeknya yang menggalakkan.' (Mohamad Md Yusoff, ms. 19, 1999). Bincangkan kenyataan di atas berdasarkan peranan periklanan di dalam pembinaan negara.

[YBP 223]

- 2 -

5. Bincangkan masalah dan cabaran periklanan antarabangsa di dalam konteks globalisasi. Berikan contoh yang relevan.

- ooo O ooo -